06 NOV 1998

# DR MAHATHIR PENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno bermesyuarat malam ini untuk membincangkan antara lainnya kedudukan 25 anggota parti termasuk bekas Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang telah diberi surat tunjuk sebab kenapa mereka tidak boleh disingkir berhubung kegiatan anti kerajaan dan parti.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semalam Jawatankuasa Displin Umno yang mngadakan mesyuarat khasnya telah memutuskan untuk merujuk rayuan 25 anggota parti itu kepada MT.

Mesyuarat juga dijangka membincangkan persiapan Perhimpunan Khas Umno pada 13 Dis ini.

--BERNAMA

ARA MAI